

# Washington cuba halang EAEG

(Y)

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia sedar adanya usaha Amerika Syarikat untuk cuba mempengaruhi negara tertentu supaya tidak menyertai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Amerika sudah tentu tidak suka terhadap sebarang kerjasama antara negara lain, kerana ini sedikit sebanyak menghalang penguasaan ekonominya," katanya.

Ketika diminta pandangannya mengenai tindakan Amerika itu, Perdana Menteri berkata semua negara mempunyai dan mengutamakan kepentingan sendiri.

"Jika mereka berpegang kepada kepentingan Amerika, sudah tentu mereka tidak suka adanya kerjasama antara negara lain kerana ini akan menghalang penguasaan ekonomi dunia oleh me-

reka," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan berbincang dengan Amerika mengenai tindakan negara itu, beliau berkata, Malaysia tidak mempunyai rancangan seperti itu.

"Malaysia tidak perlu berunding dengan Amerika mengenai penubuhan EAEG. Ketika mereka (Amerika) membentuk pasaran bersama dengan Kanada, kita tidak campur tangan...dan kita tidak ditanya mengenai langkah itu," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Seminar Labuan - Pusat Kewangan Luar Persisiran, di sini, hari ini, sebagai mengulas laporan Agensi Berita Perancis (AFP) baru-baru ini yang menyebut Amerika sudah meminta negara anggota Asean yang lain menarik balik sokongan terhadap rancangan Malaysia me-

nubuhkan EAEG.

Laporan itu yang memetik sumber-sumber, juga menegaskan Amerika memberi jaminan kepentingan negara-negara berkenaan akan lebih terjamin jika bekerjasama dengan Washington untuk memulihkan semula rundingan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

Datuk Seri Dr Mahathir mengemukakan cadangan mengenai pembentukan EAEG awal bulan lalu berikutan kegagalan rundingan GATT di Brussel kerana perbezaan pendirian Amerika dengan Kesatuan Eropah berhubung subsidi peladang.

Penubuhan EAEG bertujuan membolehkan negara di rantau Asia Timur merancang program perdagangan yang dapat membesarkan pasaran serta hubungan dagang sesama sendiri.